

PROFIL DEMOGRAFI PELAJAR POLITEKNIK SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN (PSMZA) DALAM PEMBACAAN AL- QURAN

Mohd Khairulazman Bin Hj Abu Bakar^{1*}, Azman bin Che Mat²

Unit Jaminan Kualiti¹
Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin

Pusat Pengajian siswazah²
UiTM Dungun
azman531@tganu.uitm.edu.my

*Corresponding author's e-mail: mkazman@psmza.edu.my

Abstrak

Kemahiran pembacaan al-Quran merupakan satu kemahiran asas yang perlu ada pada setiap orang Muslim untuk menentukan kesempurnaan sesuatu ibadah khusus seperti solat. Kajian ini bertujuan untuk meninjau profil demografi pelajar-pelajar Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA), Dungun, Terengganu terhadap pengetahuan pembacaan al-Quran. Pengalaman pengajian responden menerima ilmu yang berkaitan dengan al-Quran sama ada sebelum atau semasa di PSMZA menentukan kebolehpayaan mereka menguasai pembacaan al-Quran dengan baik. Maklumat kajian diperolehi melalui kaedah kuantitatif dan data dianalisis daripada soal selidik sebanyak 411 responden yang dipilih secara strata. Dapatan kajian menunjukkan profil demografi responden berada di tahap yang baik dari aspek keputusan subjek PAI-SPM, pendedahan asas pembacaan al-Quran dan pemilikan naskah al-Quran. Namun begitu, tahap pembacaan, khatam, belajar tajwid adalah masih kurang memuaskan.

Kata kunci: Profil, Demografi, Pembacaan, al-Quran.

1.0 PENGENALAN

Al-Quran merupakan *kalam* Allah s.w.t yang bermukjizat yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w melalui perantaraan Malaikat Jibril a.s, ditulis di dalam *mushaf* yang dimulai dengan surah *al-fatihah* dan diakhiri dengan surah *al-nas*, disampaikan kepada manusia secara *mutawatir* dan membacanya merupakan satu ibadah. Ia diturunkan dalam bahasa Arab sebagai bahasa yang terpilih sebagaimana firman Allah s.w.t :

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ قُرْآنًا عَرَبِيًّا لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ

Maksudnya: Sesungguhnya Kami yang menurunkan Kitab itu sebagai al-Quran yang dibaca dengan bahasa Arab, supaya kamu (menggunkan akal untuk memahaminya'. (Yusuf: 2)

Al-Quran berperanan besar dalam pembentukan akidah dan jati diri seseorang Muslim. Dari sudut ibadah, seperti ibadah solat, pembacaan surah al-Fatihah adalah merupakan bacaan wajib sama ada solat fardhu atau solat sunat. Malah pembacaan al-Quran itu sendiri merupakan ibadah yang amat dituntut.

Pada zaman sekarang, naskah al-Quran bukan sahaja diterbitkan secara bercetak, malah sudah ada al-Quran dalam bentuk digital bersama alat bantuan *audio* dan *visual*. Di samping itu, ia boleh dimuat turun

ke komputer riba atau telefon bimbit. Ini menunjukkan kepada bahawa seseorang itu tidak perlu lagi bersusah payah mendapatkan al-Quran sekiranya hendak membacanya dan mendengarnya.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Di Malaysia, para kanak-kanak telah didedahkan dengan ilmu pembacaan al-Quran sejak peringkat awal usia, iaitu empat atau lima tahun. Kemahiran pembacaan al-Quran itu diajar sendiri oleh ibu bapa kanak-kanak itu atau diajar oleh guru-guru al-Quran di kampung-kampung pada sesi luar waktu sekolah. Di peringkat sekolah pula, pelajar mempunyai kelas kemahiran J-Qaf mengajar Jawi, al-Quran dan Bahasa Arab. Persoalan yang timbul, mengapa masih ramai yang tidak berupaya menguasai dan membaca al-Quran dengan baik berdasarkan kajian-kajian yang pernah dilakukan.

Menurut kajian yang dibuat oleh Mohammad Naim Salleh (2003), beliau menyatakan bahawa kajian oleh Nasir dan Rubiyah pada tahun 1997 telah membuka arah tuju kajian terhadap kebolehpayaan membaca al-Quran dalam kalangan guru pelatih di Institut Perguruan Sultan Abdul Hamid.

Mohd Alwi Yusoff, Adel M Abdulaziz dan Ahmad Kamel Mohamed (2003) dan Ab. Halim Ab. Halim Tamuri, Khatijah Abdul Razak, Shahrin Awaluddin, Kamarulzaman Abdul Ghani & Mohd Aderi Che Noh (2006) berpendapat bahawa kelemahan dalam pengajaran Pendidikan Islam menyebabkan timbulnya masalah penguasaan pelajar dalam kemahiran membaca al-Quran. Sekiranya pengajaran tilawah al-Quran di sekolah tidak diberi penekanan, kelemahan ini akan berlanjutan sehinggalah mereka menamatkan persekolahan di peringkat menengah.

Di dalam kajian Ramlan Ahmad (2000) mendapati wujudnya perbezaan signifikan kebolehpayaan membaca al-Quran berdasarkan jantina. Hasil kajian ini mendapati bahawa pelajar perempuan lebih berkemahiran membaca al-Quran dan membaca jawi berbanding dengan pelajar-pelajar lelaki sekolah berkenaan.

Khatam al-Quran di alam persekolahan adalah bukan jaminan untuk mengatakan bahawa mereka telah menguasai pembacaan al-Quran. Dalam hal ini, Mohd Aderi (2004) yang telah membuat kajian tentang celik al-Quran dalam kalangan pelajar tingkatan satu di Kuala Lumpur mendapati bahawa walaupun 63% daripada responden telah menamatkan pembacaan al-Quran di peringkat sekolah rendah, namun tahap bacaan keseluruhan responden adalah pada tahap sederhana dan lemah.

Azarudin Awang, Azman Che Mat dan Ahmad Nazuki@Marzuki Yaakub (2010) dalam kajian mereka mendapati bahawa tahap kebolehpayaan membaca al-Quran responden adalah baik dalam aspek-aspek asas namun masih lemah dalam aspek pembacaan al-Quran yang lebih mencabar yang memerlukan kemahiran yang tinggi. Kajian ini juga mendapati wujudnya perbezaan signifikan tahap kebolehan membaca al-Quran dalam kalangan pelajar lelaki dan perempuan.

Di sini timbul satu persoalan yang perlu dirungkai oleh penyelidik, iaitu mengapa dengan tempoh pengajian yang cukup lama, iaitu bermula sejak pra sekolah, sekolah rendah, sekolah menengah sehingga ke peringkat IPT masih ramai pelajar yang tidak mampu menguasai pembacaan al-Quran dengan baik. Selaras dengan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) yang mendapati bahawa ramai pelajar Islam lepasan sekolah rendah tidak tahu membaca al-Quran apabila mereka berada di sekolah menengah malah tidak ada usaha-usaha mereka untuk mempelajari al-Quran apabila mereka dewasa (Pusat Perkembangan Kurikulum KPM, 2004).

3.0 KAJIAN LITERATUR

Amalan pembacaan al-Quran melibatkan kemahiran lisan, kelancaran bacaan, kemahiran *fasahah*, pembacaan *bertajwid* dan bacaan *tadwir* dan *tartil* (KPM, 2004). Masalah ketidakupayaan pelajar membaca al-Quran dalam kalangan pelajar Islam sama ada di sekolah rendah, menengah dan IPTA dan IPTS merupakan masalah yang wujud sejak sekian lama.

Hal ini telah pun dibuktikan dalam kajian lepas seperti kajian telah dilakukan oleh Jabatan Pengajian Islam (1995) ke atas guru-guru pelatih MPBP yang lemah dalam pembacaan al-Quran adalah membimbangkan. Kelemahan-kelemahan ini disebabkan oleh faktor pembelajaran dan pengajaran al-Quran yang dialami responden semasa kecil. Kajian ini melibatkan 50 orang guru pelatih dari Kelantan di MPBP. Responden kajian dipilih dari Kelantan kerana sebahagian besar pelajar-pelajar Islam di MPBP berasal dari Kelantan. Responden terdiri daripada pelajar semester satu (28 orang), semester dua (11 orang) dan semester empat (11 orang) manakala pelatih dari semester tiga dan lima tidak dipilih kerana sedang menjalani latihan praktikum. Analisis data bagi kajian dijalankan secara kuantitatif dan kualitatif. Pelajar diberi borang kaji selidik dan selepas itu mereka ditemuduga. Bagi mendapat maklumat tentang penguasaan pembacaan al-Quran, setiap orang akan diminta membaca al-Quran dalam tempoh 5 hingga 10 minit. Semua maklumat dianalisis dengan taburan kekerapan dan peratus.

Di peringkat sekolah, Maimunah (1995) dalam kajiannya tentang kemahiran membaca al-Quran dalam kalangan murid Tingkatan 1, mendapati bahawa keseluruhan tahap penguasaan pembacaan al-Quran murid Tingkatan 1 masih berada di tahap kurang memuaskan. Kajian Aminah Idris (1997) pula menjelaskan bahawa kebanyakan pelajar mempunyai minat dan sikap yang sederhana terhadap program 'Tilawah al-Quran' malah program tersebut masih belum berjaya mengubah sikap pelajar menghayati nilai-nilai Islam sepenuhnya. Responden terdiri daripada 16 orang guru agama dan 160 pelajar yang dipilih secara rawak daripada empat buah sekolah di daerah Hulu Langat, Selangor. Maklumat kajian diperolehi melalui kaedah kualitatif. Data yang dikumpulkan dianalisis dengan menggunakan statistik kekerapan, peratusan dan min.

Kajian oleh Mohammad Naim Salleh (2003) dilakukan untuk mengenalpasti tahap pencapaian kemahiran bacaan al-Quran berasaskan penggunaan kaedah Iqra' dalam kalangan murid-murid tahun lima di sekolah-sekolah rendah kebangsaan di daerah Setiu, Terengganu. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah soal selidik, ujian pencapaian dan temubual sebagai alat mengumpul maklumat. Soal selidik digunakan untuk mengenalpasti latar belakang pelajar merangkumi jantina, kedudukan sekolah, pembelajaran al-Quran di luar waktu sekolah, taraf pendidikan keluarga, tempat tinggal dan pemilikan buku Iqra'. Temubual diadakan dengan guru-guru subjek Pendidikan Islam untuk mendapat gambaran jelas tentang persepsi guru-guru terhadap pengajaran dan pembelajaran tilawah al-Quran dengan menggunakan kaedah Iqra'. Kajian ini telah melibatkan 237 orang pelajar dan 20 orang guru dari sekolah-sekolah rendah kebangsaan di daerah Setiu, Terengganu. Satu set ujian bacaan yang mengandungi enam tahap buku Iqra', iaitu buku Iqra' 1 hingga buku Iqra' 6 yang disediakan kepada murid-murid tersebut, iaitu ujian membaca huruf-huruf bersambung, ujian membaca kalimah dan ayat-ayat al-Quran yang pendek berbagai baris.

Menurut Mohd Aderi bin Che Noh (2004) tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara celik al-Quran dengan jantina, tempat tinggal dan pendapatan keluarga. Manakala analisis tentang hubungan antara celik al-Quran dan faktor-faktor yang mempengaruhinya didapati faktor strategi, motivasi dan minat mempunyai hubungan yang tidak signifikan dengan celik al-Quran. Walau bagaimanapun faktor-faktor lain seperti faktor konsep sendiri, kemahiran dan persekitaran mempunyai hubungan yang signifikan dengan celik al-Quran dalam kalangan pelajar. Kajian beliau telah dijalankan di lima buah sekolah menengah di Zon Pudu yang melibatkan 100 orang pelajar tingkatan satu dipilih secara rawak sebagai responden. Alat ukuran yang digunakan ialah soal selidik, ujian tilawah dan temu bual. Data-data

dianalisis melalui perisian SPSS yang menggunakan statistik deskriptif dan inferensi seperti frekuensi, peratusan, min, sisihan piawai, kolerasi Pearson, Ujian-t dan ANOVA sehalu. Keputusan kajian menunjukkan pencapaian celik al-Quran berdasarkan tahap skor min adalah berada pada tahap sederhana dan tahap skor min faktor strategi menunjukkan tahap skor yang tertinggi berbanding dengan faktor-faktor lain yang hanya pada tahap sederhana.

Mohd Zainul Arifien Mohd (2006) menjelaskan bahawa ramai pelajar yang lemah dari sudut tilawah, tajwid huruf, makhrāj huruf, bahkan terdapat juga pelajar yang gagal membaca potongan ayat yang pendek. Malah Muhammad Fauzan Abdul Wahid (2006) mendapati bahawa sukatan tilawah al-Quran dalam subjek Pendidikan Islam merupakan bidang yang tidak popular dan tidak digemari oleh kebanyakan pelajar. Ini berlaku kerana kesukaran dan kurang minat pelajar terhadap pembacaan al-Quran dan seterusnya menjadikan bidang tilawah ini terabai dan gagal dikuasai. Antara kelemahan yang ketara yang sering dihadapi oleh pelajar-pelajar ialah penguasaan *fasahah*, *makhrāj* huruf dan *tajwid*. Kegagalan menguasai kemahiran-kemahiran ini menyebabkan pelajar tidak dapat membaca al-Quran dengan baik dan tidak lancar serta kurang minat membacanya.

Menurut Mohd Faisal, Zawawi & Rahimi (2008) sehingga hari ini masih ada kebanyakan umat Islam di Malaysia di peringkat dewasa yang mengenali huruf-huruf *hijaiyyah* tetapi tidak boleh membaca al-Quran atau boleh membaca tetapi tidak lancar malah ada yang langsung tidak mengenali huruf-huruf al-Quran.

Fazlina Fadzil dan Nurulazidah Jaafar (2012) menyatakan bahawa tahap pengamalan pembacaan al-Quran dalam kalangan pelajar masih di tahap sederhana walaupun tahap kesedaran adalah sangat baik. Kajian ini mempunyai dua skop utama, iaitu tahap pengamalan dan tahap kesedaran pelajar tentang pembacaan al-Quran. Ia telah melibatkan seramai 93 orang pelajar muslim daripada semester satu, dua, tiga dan enam yang meliputi empat jabatan induk di politeknik berkenaan. Dapatan kajian telah dianalisis secara kuantitatif yang diambil daripada data soal selidik.

Berdasarkan sorotan yang dilakukan terhadap kajian-kajian tersebut, maka objektif kajian ini digariskan seperti berikut, iaitu;

1. Mengenalpasti profil demografi pelajar politeknik yang berada di tahun akhir,
2. Mengenalpasti latarbelakang asas pengajian al-Quran responden.

4.0 METHODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk kuantitatif dari sudut pengumpulan data analisis data. Data dikumpulkan menerusi soal selidik ke atas pelajar diploma tahun akhir Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA).

4.1 Populasi

Secara keseluruhannya, populasi ini berjumlah 548 orang pelajar yang mengikuti empat jenis kelompok program yang diambil, iaitu Diploma Kejuruteraan Awam (DKA), Diploma Kejuruteraan Mekanikal (DKM), Diploma Kejuruteraan Elektrik (DKE), dan Diploma Teknologi Maklumat dan Sains Komputer (DTMK).

4.2 Persampelan

Berdasarkan jumlah populasi sebanyak 548 orang pelajar diploma tahun akhir, pihak pengkaji telah membuat pengedaran soal selidik secara strata bagi setiap program pengajian. Sebanyak 420 responden telah memberikan kerjasama dan maklumbalas. Setelah saringan dilakukan, pihak penyelidik hanya memperolehi sebanyak 411 selaras dengan jadual persampelan yang telah dicadangkan oleh Sakaran (2005). Jumlah soal selidik yang lengkap dijelaskan jadual 1 di bawah:

Jadual 1 Persampelan

Program	Populasi	Terima	Saringan
DKA	92	65	64
DKM	186	142	142
DKE	126	98	93
DTMK	144	115	112
Jumlah	548	420	411

4.3 Analisis

Bagi mendapatkan jawapan kepada objektif kajian, analisis statistik dijalankan dengan menggunakan analisis kekerapan, peratusan dan min dalam perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 21.0.

5.0 DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ialah hasil daripada analisis data yang diperolehi menerusi metodologi kajian yang digunapakai dalam kajian ini. Ia mencakupi demografi responden dan item-item yang diedarkan melalui borang soal selidik.

5.1 Demografi Responden

Jadual 2 menerangkan profil demografi responden yang terlibat dalam kajian ini seperti berikut:

Jadual 2 Peratusan bagi demografi responden.

Bil	Perkara	Kekerapan	Peratus %	
1	Jantina	Lelaki	191	46.5
		Perempuan	220	53.5
		Jumlah (N)	411	100
2	Umur	19-20 Tahun	226	55
		21-22 Tahun	96	23.4
		23-24 Tahun	63	15.3
		25< Tahun	26	6.3
		Jumlah (N)	411	100
3	Diploma	DKA	64	15.6
		DKM	142	34.5
		DKE	93	22.6
		DTMK	112	27.3
		Jumlah (N)	411	100
4	Negeri	Terengganu	164	39.9
		Kelantan	78	19
		Pahang	12	2.9

		Pulau Pinang	11	2.7
		Selangor	50	12.2
		Kuala Lumpur	33	8
		Johor	32	7.8
		Negeri Sembilan	8	1.9
		Perlis	4	1
		Perak	15	3.6
		Kedah	3	0.7
		Melaka	1	0.2
		Jumlah (N)	411	100
5	PAI - SPM	A+	67	16.3
		A	105	25.5
		A-	100	24.3
		B+	89	21.7
		B	40	9.7
		C+	8	1.9
		C	2	0.5
		Jumlah (N)	411	100
6	Sekolah	SMK Biasa	362	88.1
		SMK Agama	49	11.9
		Jumlah (N)	411	100

Jadual di atas bagi kategori jantina menunjukkan bahawa responden lelaki dan perempuan adalah hampir seimbang, iaitu lelaki 46.5% manakala perempuan ialah 53.5%. Umur responden pula menunjukkan usia 19-20 tahun adalah tertinggi (55%) dan terendah pula ialah yang berusia 25 tahun ke atas (6.3%). Responden yang mengikuti program Diploma Kejuruteraan Mekanikal adalah tertinggi (34.5%) diikuti Diploma Teknologi Maklumat dan Sains Komputer (27.3%), Diploma Kejuruteraan Elektrik (22.6%) dan Diploma Kejuruteraan Awam (15.6%). Asal negeri responden ialah Terengganu tertinggi (39.9%) dan terendah pula ialah berasal dari Melaka (0.2%). Dari aspek pencapaian subjek Pendidikan Agama Islam (PAI-SPM), responden yang mendapat gred A adalah tertinggi (25.5%) manakala terendah ialah C+ (1.9%) dan C (0.5%). Hal ini menunjukkan bahawa pencapaian keseluruhan responden bagi subjek Pendidikan Agama Islam adalah baik sekali. Pendidikan persekolahan responden pula menunjukkan SMK Biasa adalah terbanyak (88.1%) sedangkan SMK Agama pula hanyalah 11.9%, iaitu amat sedikit.

5.2 Latar Belakang Asas Pengajian Al-Quran Responden

Hasil kajian terhadap latar belakang asas pengajian al-Quran responden ditunjukkan seperti di dalam Jadual 3 berikut:

Jadual 3 Latar belakang asas pengajian al-Quran responden.

Bil	Perkara	Kekerapan	Peratus %	
1	Kebolehan	Baik	188	45.7
		Kurang lancar	212	51.6
		Tidak tahu baca	11	2.7
		Jumlah (N)	411	100
2	Boleh hafaz surah lazim	1-5 surah	213	51.8
		6-10 surah	134	32.6
		11-15 surah	44	10.7
		16-20 surah	20	4.9
		Jumlah (N)	411	100
3	Pernah belajar tajwid	Ya	387	94.2
		Tidak	24	5.8
		Jumlah (N)	411	100
4	Khatam	Pernah	297	72.2
		Tidak pernah	114	27.7
		Jumlah (N)	411	100
5	Kekerapan khatam	Sekali	189	63.6
		Dua kali	58	19.5
		Tiga kali	39	13.1
		Empat kali	6	2
		Lima kali	5	1.7
		Jumlah (N)	297	100
6	Belajar membaca dari	Ustaz / Ustazah	261	63.5
		Ibu bapa	120	29.2
		Rakan	18	4.4
		Lain-lain	12	2.9
		Jumlah (N)	411	100
7	Cara belajar tajwid	Sepenuh masa	67	17.3
		Sekali-sekala	320	82.7
		Jumlah (N)	387	100
8	Tempat belajar tajwid	Sekolah pondok	37	9.6
		Sekolah agama / KAFA	238	61.5
		Rumah tok guru	92	23.8
		CD / tape / laman youtube	20	5.2
		Jumlah (N)	387	100
9	Miliki naskhah al-Quran	Ya	351	85.4
		Tidak	60	14.6
		Jumlah (N)	411	100

Berdasarkan jadual 3, boleh dirumuskan bahawa kebanyakan responden telah melalui proses pembelajaran membaca al-Quran semenjak kecil lagi. Namun begitu, dari sudut pencapaiannya adalah sederhana sekali. Responden menyatakan bahawa mereka hanya berada di tahap kurang lancar bagi kebolehan membaca al-Quran, iaitu (51.6%), baik (45.7%) dan tidak tahu pula adalah 2.7%. Meskipun jumlah yang tidak tahu membaca al-Quran adalah kecil, iaitu 11 orang, hal ini memberi kesan yang tidak baik kepada seorang muslim.

Dari aspek hafalan surah lazim, data kajian mendapati responden yang boleh menghafal surah lazim antara 1-5 surah ialah 51.8%, iaitu separuh daripada jumlah responden yang terlibat. Seterusnya semakin banyak bilangan surah, maka semakin kecil jumlah responden yang mampu menghafalnya. Responden juga kebanyakannya telah mempelajari ilmu tajwid dengan peratus yang tinggi, iaitu 94.2%. Begitu juga dengan khatam al-Quran menunjukkan responden pernah khatam al-Quran sebanyak 72.2%. Perkara ini membuktikan responden telah mempunyai pendedahan yang baik meskipun kekerapan khatam itu adalah berbeza. Kebanyakan responden pernah sekali sahaja khatam al-Quran, iaitu 63.6% dan apabila semakin kerap khatam al-Quran, maka bilangan responden semakin kurang, iaitu dua kali sebanyak 19.5%, tiga kali sebanyak 13.1%, empat kali sebanyak 2% dan lima kali sebanyak 1.7%, iaitu paling sedikit.

Responden juga didapati mempelajari al-Quran daripada ustaz dan ustazah dengan peratusan 63.5%, diikuti dengan ibubapa sebanyak 29.2%, rakan 4.4% dan lain-lain 2.9%. Cara pembelajaran ilmu tajwid pula hanyalah sekali sekala paling tinggi, iaitu 82.7% berbanding dengan sepenuh masa sebanyak 17.3% sahaja. Tempat pembelajaran yang paling tinggi pula ialah sekolah/kafa (61.5%) diikuti dengan rumah tuan guru (23.8%), pondok (9.6%) dan alat bantuan (5.2%).

6.0 RUMUSAN DAN PENUTUP

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar tahun akhir di PSMZA mempunyai latar belakang asas pengetahuan al-Quran dan boleh membaca al-Quran. Hal ini jelas membuktikan bahawa sistem persekolahan yang dilalui oleh para pelajar telah memberi pendedahan yang baik. Justeru, keputusan subjek agama Islam yang diperolehi oleh kebanyakan pelajar adalah di tahap cemerlang. Begitu juga dengan kebanyakan para pelajar telah berjaya menamatkan membaca al-Quran ketika masih di sekolah lagi. Hal ini juga memberi petunjuk bahawa sistem pendidikan awal telah berjaya memastikan kanak-kanak dapat khatam semasa masih di sekolah lagi. Khususnya pendidikan sekolah agama atau KAFA. Selain itu, kebanyakan mereka pernah belajar ilmu tajwid untuk memastikan bacaan al-Quran yang betul. Mereka juga memiliki naskah al-Quran simpanan peribadi.

Dari sisi yang lain pula, sebahagian besar daripada pelajar kurang lancar dalam pembacaan al-Quran. Malah kebanyakan mereka benar-benar menamatkan pembacaan untuk sekali sahaja. Meskipun mereka pernah mempelajari ilmu tajwid, tetapi ia bukanlah dilakukan sepenuh masa sebagaimana yang sepatutnya. Hal ini mungkin disebabkan faktor sekolah SMK Biasa yang rata-rata tidak menfokuskan pendidikan agama sebagaimana yang dilakukan oleh sekolah SMK Agama. Selain itu pelajar juga tidak menggunakan sepenuhnya kemudahan

Kesimpulannya, proses pengajaran pembacaan al-Quran di peringkat pengajian tinggi perlu diteruskan dan tidak wajar terhenti di peringkat sekolah sahaja. Hal ini diselaraskan dengan dasar pendidikan sepanjang hayat yang boleh diterapkan dalam konteks pendidikan agama. Modul khusus yang sesuai perlu difikirkan oleh para pendidik supaya amalan pembacaan al-Quran benar-benar dijadikan sebagai cara hidup seorang muslim yang sebenar-sebenarnya.

Rujukan

- Ab. Halim Tamuri, Khatijah Abdul Razak, Sharing Awaluddin, Kamarulzaman Abdul Ghani & Mohd Aderi Che Noh. (2006). Kajian amalan pengajaran pendidikan Islam di seolah rendah dan menengah. *Prosiding Seminar IRPA RMK-8, Kategori ERK 2006, Jilid 11*. Bangi: UKM.
- Abdullah Basmeih. (1994). *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Terengganu: Yayasan Terengganu.
- Aminah Idris. (1997). *Penilaian Program Tilawah al-Quran Sekolah Menengah Rendah*. Bangi: UKM.
- Awang, A., Mat, A. C., Nazuki, A., & Yaakub, M. (2011). Tahap pembacaan Al-Quran dalam kalangan pelajar di UITM Terengganu. *AJTLHE: ASEAN Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 3(2), 83-100.
- Fazlina Fadzil & Nurulazidah Jaafar. (2012). Kajian pengamalan dan kesedaran pembacaan al-Quran dalam kalangan pelajar muslim Politeknik Port Dickson Negeri Sembilan. *Prosiding Seminar Pendidikan Politeknik 2012*.
- Jabatan Pengajian Agama Islam. (1995). *Satu Kajian Kes Mengenai Penguasaan Membaca al-Quran Guru Pelatih MPBP Dari Kelantan*. Kota Bharu: Kelantan.
- Maimunah Ismail. (1995). *Kemahiran Membaca al-Quran di Kalangan Pelajar Tingkatan 1: Satu Kajian Kes*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Education in Schools]. *Masalah Pendidikan*, 31(1), 241-253.
- Mohammad Naim Mat Salleh. (2003). *Pencapaian Tilawah al-Quran Melalui Penggunaan Kaedah Iqra' di Sekolah-sekolah Rendah Kebangsaan Daerah Setiu, Terengganu*, Bangi: UKM.
- Mohd Aderi bin Che Noh. (2004). *Celik al-Quran Di Kalangan Pelajar Tingkatan Satu Di Zon Pudu Kuala Lumpur*. Bangi: UKM.
- Mohd Alwi Yusoff, Adel M Abdulaziz & Ahmad Kamel Mohamed. (2003). Keberkesanan Iqra' Sebagai Kaedah Pembelajaran Membaca Al-Quran. *Prosiding Isu Semasa Pengajian Quran Dan Sunnah*. Nilai: KUIM.
- Mohd Zainul Arifien bin Mohd, (2006), *Kaedah Pembelajaran Tajwid dan Hafazan al-Quran*, Bangi: Fakulti Pendidikan, UKM.
- Muhammad Fauzan Abdul Wahid. (2006). *Meningkatkan kemahiran membaca al-Quran menerusi latihan amali & tasmik al-Quran*. Kuala Lumpur: Institut Perguruan Bahasa-bahasa Antarabangsa.
- Nasir B. Mohamad & Rubiyah Bt. Haron. (1997). *Tahap Penguasaan Bacaan al-Quran Di Kalangan Guru Pelatih Bukan Pengkhususan Pengajian Islam*. Alor Setar: Institut Perguruan Darul Aman.
- Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia. (2004). *Penilaian kendalian sekolah*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Ramlan Ahmad. (2000). *Kemahiran Membaca al-Quran dan Jawi Pelajar-pelajar Tingkatan Satu Sekolah Berasrama Penuh: Satu Kajian Kes*. Bangi: UKM.
- Sekaran, Uma. 2005. *Research Methods for Bussines: A Skill Buliding Approach*. Singapura: JohnWiley & Sons. (Asia) Pte. Ltd.